# Teluk Kumbar dilanda banjir kilat, 100 rumah terjejas

**BALIK PULAU** – Lebih 100 buah rumah penduduk di tiga perkampungan di Teluk Kumbar di sini pula dinaiki air semalam selepas lapan jam kejadian banjir kilat berlaku di Teluk Bahang kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 1.30 pagi itu, seramai lebih 300 penduduk dikatakan terjejas teruk apabila kediaman mereka yang terletak di Kampung Sulup, Nelayan dan Paya hampir ditenggelami air.

Daripada jumlah itu, seramai 92 keluarga terdiri 120 penghuni terpaksa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara di Dewan Gerakan Mesyuarat Teluk Kumbar sebelum semua mangsa dibenarkan pulang pada pukul 8.25 malam.

Seorang penduduk, Suwardi Md. Sirat berkata, hujan lebat yang turun sekitar pukul 11 malam kelmarin telah mengakibatkan kawasan perkampungan mereka turut dinaiki air.



Hujan lebat lima jam, lebih 200 rumah terjejas

**Teluk Bahang dilanda banjir kilat**

Oleh NOOR HASLIZA NUSI dan AFANDI CHE MUHAMAD

BALIK PULAU – Lebih 200 buah rumah penduduk di Kampung Nelayan, Mukim 1 dan Teluk Awak di Teluk Bahang di sini terjejas selepas perkampungan terbabit dilanda ban-

itu berlaku sebaik dia selesai menunaikan solat Zuhur di sebuah masjid berhampiran.

"Sebaik saya dan jemaah lain keluar dari pekarangan surau itu, kami lihat air mula mengalir turun dari bukit yang terletak berhampiran Taman Negara dan Empangan Teluk Bahang di

ra daripada hujan lebat sej malam kelmarin dan kejadia air laut pasang.

Katanya, pihaknya menerim panggilan daripada orang awa berhubung kejadian berlak kira-kira pukul 2.31 petang s malam dan tiba di tempat kejad an kurang 10 minit kemudian.

"Kejadian itu dilaporkan ber punca daripada hujan lebat dan air laut pasang selain tidak

KERATAN *Kosmo!* semalam.

"Selepas tersedar dari tidur kami dapati kawasan rumah ini mula dilimpahi air sehingga ke ruang tamu di tingkat bawah," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Menurutnya, kejadian banjir kilat itu berlaku buat kali ketiga pada tahun ini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Nordin Ahmad berkata, kejadian banjir kilat yang berlaku itu disifatkan sebagai yang terburuk selepas kejadian sama berlaku pada November tahun lalu.

"Hasil tinjauan, kejadian banjir kilat yang sering berlaku di perkampung ini dipercayai berpunca daripada projek perumahan mewah yang sedang dibina di atas bukit berhampiran.

"Selain itu, masalah sistem perparitan yang kurang baik turut mengakibatkan kawasan ini sering dilanda banjir kilat," jelasnya.



NORDIN (kiri) bertemu penduduk yang terjejas dalam kejadian banjir kilat di Kampung Sulup, Teluk Kumbar, Balik Pulau di sini semalam.

*Kosmo!* semalam melaporkan, lebih 200 buah rumah penduduk di Kampung Nelayan, Mukim 1, dan Teluk Awak di Teluk Bahang terejas selepas dilanda banjir kilat kelmarin.